

**NO. SOALAN : 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING  
[BINTULU]**

**TARIKH : 16 JUN 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

- (a) adakah pihak Kementerian membuat pemantauan terhadap gaya rambut kakitangan Kerajaan terutamanya lelaki yang semakin ketara yang mana tiada nilai-nilai ketimuran; dan
- (b) adakah pihak Kementerian mempunyai garis panduan tertentu bagi memastikan fesyen rambut yang boleh mencorakkan disiplin dan tertib kakitangan awam serta menjadi teladan kepada orang awam.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap Ketua Jabatan adalah dipertanggungjawabkan untuk memastikan penjawat awam sentiasa berpenampilan kemas termasuklah aspek gaya rambut yang bersesuaian ketika bertugas. Oleh itu, Ketua Jabatan perlu memastikan pegawai dan kakitangannya sentiasa mematuhi etika berpakaian, berimej kemas termasuk gaya rambut. Walaupun terdapat segelintir penjawat awam terutamanya pegawai muda yang terikut-ikut dengan gaya rambut masa kini, namun ianya terkawal dan rata-ratanya pegawai awam adalah berpenampilan kemas.

Di samping itu, terdapat Kementerian yang mengeluarkan peraturan dalam memastikan pegawai dan kakitangannya sentiasa kemas dan berdisiplin. Sebagai contoh, Kementerian Pendidikan Malaysia yang mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 2 Tahun 1976 dan terpakai bagi guru dan pelajar sekolah. Sementara itu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga mengeluarkan Garis Panduan Etika Berpakaian dan Penampilan ke Pejabat.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR  
BIN MUSA [ KETEREH ]**

**TARIKH : 16 JUN 2015 (SELASA)**

**SOALAN : 46**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar bin Musa [ Ketereh ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk membesarkan Lapangan Terbang Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan sesuai dengan peningkatan jumlah penumpang yang menggunakan lapangan terbang berkenaan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pengangkutan telah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan siling peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) bagi projek menaiktaraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, Kelantan. Projek ini turut merangkumi skop pembinaan bangunan terminal baru untuk menampung peningkatan jumlah penumpang yang menggunakan lapangan terbang berkenaan.

**SOALAN ( 47 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16 JUN 2015  
[ SELASA ]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK LIANG TECK MENG  
[ SIMPANG RENGGAM ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK LIANG TECK MENG [ SIMPANG RENGGAM ] minta  
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah kesesuaian penggunaan  
insinerator bagi pelupusan sampah di Malaysia dan apakah tindakan yang  
diambil berkenaan aspek seperti keselamatan dan penyelenggaraan.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesesuaian sesuatu kemudahan rawatan sisa pepejal berkonsepkan *Waste to Energy* seperti insinerator, *pyrolysis*, *gasification* *Mechanical Biological Treatment* (MBT), *Refuse Derived Fuel* (RDF), *Anaerobic Digester* (AD) dan sebagainya bergantung kepada pelbagai faktor.

Faktor utama yang dititikberatkan oleh Kerajaan dalam pemilihan sesuatu teknologi adalah kos yang efektif, mesra alam dan terbukti. Faktor-faktor lain yang perlu diambil kira ialah keupayaan teknologi tersebut merawat sisa pepejal berdasarkan ciri-ciri tempatan termasuk kuantiti dan komposisi sisa pepejal tersebut. Sehubungan dengan itu, kesesuaian penggunaan insinerator bagi pelupusan sisa pepejal di Malaysia bergantung kepada faktor-faktor tersebut di atas.

Aspek keselamatan dan penyelenggaraan merupakan perkara utama yang diberi penekanan oleh Kerajaan. Syarikat konsesi yang terpilih perlu mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang sedang berkuatkuasa. Perkara-perkara ini akan dimasukkan di dalam dokumen tender sebagai salah satu syarat utama yang mesti dipatuhi.

Semasa tempoh pembinaan, loji rawatan sisa pepejal ini akan dipantau oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) manakala operasi loji akan dipantau oleh JPSPN bersama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp). Pemantauan ini juga akan turut dibantu oleh agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang akan memantau dari segi pematuhan kepada peraturan-peraturan sedia ada di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Selain itu juga, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ini turut melaksanakan Kajian Terperinci Impak Alam Sekeliling (DEIA) yang akan mengkaji secara terperinci isu-isu termasuk keselamatan selain pencemaran yang berkemungkinan akan

berlaku dari projek tersebut dan langkah-langkah mengatasinya. Projek-projek ini tidak akan diteruskan sekiranya DEIA tidak diluluskan oleh JAS dan ia merupakan syarat duluan (*Condition of Precedent*) kepada mana-mana projek. Manakala penyelenggaraan loji telah dimasukkan salah satu kriteria penting dalam *Key Performance Index (KPI)* yang mana sekiranya penyelenggaraan loji tidak dilaksanakan, penalti akan dikenakan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2015